

JADUAL KELIMA
[Subperaturan 4(5) dan 5(4)]

BORANG

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT
BERJANGKIT (PENGIMPORAN DAN PENGEKSPORTAN MAYAT, TISU MANUSIA
DAN ORGANISMA ATAU BAHAN PATOGENIK) 2005

**PERMIT UNTUK MENGIMPORT / MENGEKSPORT TISU MANUSIA ATAU MANA-
MANA BAHAGIANNYA DAN ORGANISMA ATAU BAHAN PATOGENIK ATAU
MANA-MANA BAHAGIANNYA**

1. Nama pemohon: _____
2. Alamat pemohon: _____

3. Nama pengguna pertama: _____
4. Nama pengguna kedua: _____
5. Nama pengguna ketiga: _____
6. Nombor rujukan permohonan :

Butir-Butir Konsainan	Kumpulan Risiko	No. Kelompok	Kuantiti

Anda diminta menyerahkan permit ini kepada Pegawai Kesihatan _____
(Nama tempat masuk)

untuk membenarkan konsainan di atas dibawa masuk/keluar*. Konsaimen di atas dibenarkan diimport/
eksport* tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan.

Permit ini sah sehingga: _____

Satu konsaimen

Lebih daripada satu konsaimen

Tandatangan pegawai diberi kuasa: _____

Nama pegawai diberi kuasa: _____

Tarikh dikeluarkan: _____



*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

* Potong mana-mana yang tidak berkaitan

TERMA DAN SYARAT-SYARAT

1. Konsainan dilabel dengan pernyataan “*Diagnostic Specimen Not Restricted, Packed in Compliance with Packing Instruction 650^b*” ATAU “*Infectious Substance*”.
2. Nama, alamat serta nombor telefon penerima konsaini dan pemberi konsinor dicatatkan dengan jelas pada bungkusannya.
3. Maklumat daripada penerbangan pengangkut dengan jelas menyatakan: senarai pembungkusan / format invoice yang menunjukkan kandungan dan berat.
4. Pembungkusan dengan mematuhi “Basic triple packaging system”.
5. Semua ujian yang berkaitan dengan produk yang diimport ini dijalankan di kemudahan makmal (*biosafety* peringkat 2 / *biosafety* peringkat 3).
6. Semua bahan pembungkusan, bekas dan peralatan yang telah bersentuhan atau tercemar oleh produk yang diimport hendaklah disteril dan dikira sebagai biobahaya dan hendaklah dilupuskan dengan sewajarnya.
7. Bahan di atas digunakan untuk kegunaan makmal sahaja dan tidak digunakan untuk inokulasi atau pendedahan kepada haiwan domestik.
8. Bahan di atas tidak boleh dipindahkan ke mana-mana premis selain yang dinyatakan dalam permohonan kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran Pegawai Diberi kuasa.
9. Spesimen produk di atas perlu dimusnahkan dalam tempoh 2 minggu selepas diuji.
10. Kuantiti konsainan untuk “bahan berjangkit” adalah seperti yang berikut:
 - (a) kuantiti maksimum di dalam bekas adalah 50 ml atau 50 g jika diangkut dalam pesawat penumpang.
 - (b) bagi pesawat kargo tahap maksimum yang dibenarkan untuk diangkut ialah 4 liter atau 4 kg.
 - (c) bekas primer yang melebihi 50 ml mesti dibungkus dengan penutup menghala ke atas dan label (anak panah) arah ke atas.
11. Bahan berjangkit hanya boleh diangkut mengikut spesifikasi UN class 6.2^b dan (PI) 602^a.
12. Spesimen diagnostik hanya boleh diangkut dan dengan pembungkusan yang mematuhi (PI) 650^a.
13. Semua yang terlibat dalam pengendalian dan pergerakan bahan di atas dikehendaki menyenggarakan rekod penerimaan, penggunaan, penyimpanan dan pelupusan.
14. Bagi spesimen diagnostik, bekas primer hanya boleh mengandungi 500 ml. Isi padu keseluruhan bekas termasuk pembungkusan luar tidak boleh melebihi 4 L.

^a *World Health Organization Guidelines for the Safe Transport of Infectious Substances and Diagnostic Specimens: WHO/EMC/97.3 (1997)*

^b *Transport of Dangerous Goods. United Nations (Eleventh Edition) (1999)*